

# Baju

kurung:

Terpulang

kepada

ibubapa

murid2

J.M. 17 APR 1975

**K**UALA LUMPUR, 16 April — Kementerian Pelajaran tidak bercadang memaksa semua murid perempuan memakai baju kurung, Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini.

Terpulanglah kepada ibubapa murid-murid perempuan beragama Islam memutuskan sama ada anak mereka hendak memakainya atau tidak.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika menjawab Senator Hajah Salmah Sheikh Hussein yang ingin tahu kedudukan cadangan menjadikan baju kurung sebagai pakaian seragam di sekolah-sekolah kerajaan.

## **Moral**

Dr. Mahathir juga berkata, kementeriannya, di bawah Menteri Pelajaran yang lepas, telah mewajibkan pakaian baju kurung untuk murid-murid perempuan Islam atas permintaan beberapa kalangan.

Setelah dikuatkuasakan, ramai ibubapa telah menentangnya kerana menambahkan perbelanjaan dan mereka juga berpendapat moral yang baik tidak ada kena mengena dengan baju kurung.

Kementerian telah menarik balik arahan tersebut dan membiarkan ibubapa membuat pilihan sendiri sama ada anak-anak perempuan mereka perlu memakai baju kurung.